


LAPORAN KEHADIRAN


Adalah menjadi kemestian bagi semua juruteknik untuk merekodkan waktu masuk dan waktu keluar pejabat harian mereka. Bagi menilai prestasi kehadiran staf juruteknik, laporan kehadiran dibentangkan di dalam setiap mesyuarat bulanan UPMFK. Analisa adalah berdasarkan rekod yang diperolehi dari sistem kehadiran staf UTM iaitu digunakan untuk tujuan merekod pergerakan setiap staf samada berada di pejabat, keluar pejabat atau bercuti. Graf di bawah menunjukkan prestasi keseluruhan kehadiran staf juruteknik Fakulti Komputeran bagi tahun 2012.



Rekod kehadiran mengambilkira tiga aspek penilaian iaitu hadir lewat, hadir tanpa rekod dan balik tanpa rekod. Secara keseluruhan, analisa menunjukkan prestasi yang memuaskan iaitu berlakunya penurunan bilangan kes hadir lewat, hadir tanpa rekod dan balik tanpa rekod dikalangan staf juruteknik. Analisa turut mengenalpasti juruteknik dengan rekod kehadiran terbaik bagi tahun 2012 iaitu En. Ibrahim bin Khalid dan En Nadzir bin Hashim.

LAPORAN BUKU LOG

Semua juruteknik bertanggungjawab untuk mengisi buku log harian melalui Laboratory Information Management System (LIMS). Buku log mewajibkan staf juruteknik membuat daftar harta peralatan teknikal di bawah kawalan, aktiviti tugas harian, laporan penyelenggaraan peralatan dan lain-lain. Graf di bawah menunjukkan prestasi pendaftaran buku log staf juruteknik Fakulti Komputeran bagi tahun 2012.



Prestasi buku log memaparkan tiga skala pencapaian iaitu "less busy", "moderate" dan "busy". Secara keseluruhan, analisa menunjukkan pencapaian yang memuaskan iaitu berlakunya peningkatan peratusan buku log berstatus "moderate" dan "busy" pada penghujung tahun penilaian. Analisa turut mengenalpasti juruteknik dengan laporan buku log terbaik bagi tahun 2012 iaitu En. Mohamad Shamsul Fitri bin Sulaiman.

LAPORAN TAHUNAN (2012)

Unit Pengurusan Makmal Fakulti Komputeran (UPMFK)
Universiti Teknologi Malaysia
(www.comp.utm.my/lab)



Laporan ini membentangkan pencapaian Unit Pengurusan Makmal Fakulti Komputeran (UPMFK) bagi tahun 2012. UPMFK terdiri daripada 17 orang juruteknik dan diketuai oleh seorang pengurus makmal peringkat fakulti serta 4 orang ketua makmal peringkat jabatan.

UPMFK bertanggungjawab ke atas kelancaran operasi makmal komputer dan keseluruhan peralatan komputer di dalam fakulti. Lapan unit pelbagai fungsi telah ditubuhkan bagi memastikan kelancaran aktiviti di bawah kendalian UPMFK sepanjang tahun 2012 iaitu:

1. Unit Fotografi
2. Unit Oshe
3. Unit Sokongan
4. Unit Khidmat Pelanggan
5. Unit Web
6. Unit Penyelenggaraan
7. Unit Tenaga
8. Unit Dokumentasi

LAPORAN UNIT

Fotografi

Graf 1 menunjukkan program lawatan dari pihak luar ke fakulti merupakan aktiviti paling kerap melibatkan penggunaan khidmat jurufoto UPMFK sepanjang tahun 2012.

Oshe

Graf 2 menunjukkan aktiviti di bawah kelolaan unit Oshe. Senarai aktiviti dijayakan oleh unit Oshe termasuklah pengauditan makmal, penganjuran bengkel HIRARC dan pengedaran first-aid.

Sokongan

Graf 3 menunjukkan perkhidmatan terknikal oleh unit sokongan di dalam membantu menjayakan program rasmi fakulti seperti seminar, bengkel dan ceramah.

Khidmat pelanggan

Graf 4 menunjukkan beberapa program melibatkan bantuan unit khidmat pelanggan UPMFK seperti sewaan ruang makmal fakulti oleh pihak luar bagi tujuan bengkel.

Web

Graf 5 menunjukkan rekod kemasukan data ke dalam laman web UPMFK. Antara info utama dipaparkan termasuklah direktori staf, galeri dan muat turun dokumen.


Penyelenggaraan

Graf 6 menunjukkan beberapa item yang berjaya dibaikpulih oleh unit penyelenggaraan. Kemahiran teknikal unit ini telah berjaya mengelakkan kos pembelian peralatan baru berjumlah RM590.


Tenaga

Graf 7 menunjukkan kadar penggunaan elektrik (aircond) di semua makmal. Punca pembaziran dikenalpasti dan tindakan diambil berjaya menurunkan kadar penggunaan elektrik secara ketara.


Graf 1: Unit Fotografi




Graf 2: Unit Oshe




Graf 3: Unit Sokongan




Graf 4: Unit Khidmat Pelanggan




Graf 5: Unit Web



Graf 6: Unit Penyelenggaraan



Graf 7: Unit Tenaga



Disediakan oleh :

Pn. Norhani bt Mohd Haitami (Ketua Unit Dokumentasi)
En. Johari bin Mohammad
Pn. Zanariah bt Abdul Hamid

Diedit dan disahkan oleh :

Dr. Azlan bin Mohd Zain (Pengurus Makmal)